

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I: 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

SPP 30113

PRINSIP EKONOMI

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Ilmu ekonomi merupakan sains sosial yang _____ HPK1

T1

- A. mengkaji keperluan dan kehendak manusia
- B. menyelesaikan masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas
- C. mengkaji tentang perlakuan manusia dan faktor-faktor pengeluaran
- D. mengkaji perlakuan individu dan masyarakat dalam mengagihkan faktor pengeluaran yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad

2. Berikut merupakan contoh barang percuma **KECUALI** HPK1

T1

- A. udara
- B. air laut
- C. jalan raya
- D. cahaya matahari

3. HPK1

- Barangan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapatkan barangan yang terbaik.
- Timbul akibat daripada faktor-faktor pengeluaran yang terhad.

T1

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. kos lepas
- B. masalah kekurangan
- C. masalah kehendak manusia yang tidak terhad
- D. masalah faktor-faktor pengeluaran yang terhad

4. Berikut merupakan pernyataan yang benar mengenai sistem ekonomi campuran **KECUALI** HPK1
T1

- A. pihak swasta memaksimumkan kebajikan masyarakat
- B. pihak swasta bebas bersaing dengan kawalan kerajaan
- C. pihak swasta ingin memaksimumkan keuntungan yang diperolehi
- D. sektor swasta dan kerajaan sama-sama menjalankan kegiatan ekonomi

5. Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri suatu sistem ekonomi. HPK1
T1

- Semua kegiatan ekonomi dijalankan sektor swasta, tiada campur tangan kerajaan.
- Wujud kuasa besar pengguna di mana pengguna adalah 'raja'

Apakah sistem ekonomi tersebut

- A. Sistem ekonomi Islam
 - B. Sistem ekonomi swasta
 - C. Sistem ekonomi kerajaan
 - D. Sistem ekonomi pasaran bebas (kapitalis)
6. Apakah maksud permintaan? HPK1
T2

- A. Keinginan, kemampuan dan kesanggupan pengguna membeli barang dan perkhidmatan pada suatu tingkat harga tertentu
- B. Kesanggupan pengguna untuk membeli barang dan perkhidmatan yang diinginkan tanpa mengira kos barang dan perkhidmatan
- C. Kemampuan pengguna untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan yang dikehendaki dalam jangka masa yang pendek
- D. Keinginan, kemampuan dan kesanggupan pengguna membeli barang dan perkhidmatan pada suatu tingkat harga tertentu dalam jangka masa tertentu

- 7 Pilih pernyataan yang **BENAR** tentang hukum penawaran.

HPK1

T2

- A. Semakin rendah harga sesuatu barang, semakin tinggi kuantiti ditawarkan
- B. Semakin rendah harga sesuatu barang, kuantiti yang ditawarkan tidak berubah
- C. Hubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan adalah songsang atau negatif
- D. Hubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan adalah secara langsung atau positif

- 8 Jadual 1 menunjukkan perhubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan bagi barang X.

HPK1

T2

Harga (RM)	Kuantiti (Unit)
1	45
2	50
3	55
4	60

Jadual 1

Tentukan fungsi penawaran bagi barang X.

- A. $Q = 40 + 5P$
 - B. $Q = 5 + 40P$
 - C. $Q = 40 - 5P$
 - D. $Q = 5 - 40P$
- 9 Keanjalan permintaan pendapatan ialah

HPK1

T3

- A. peratus perubahan harga dibahagi dengan permintaan
- B. peratus perubahan harga dibahagi dengan perubahan kuantiti
- C. peratus perubahan pendapatan dibahagi dengan peratus perubahan kuantiti diminta
- D. peratus perubahan kuantiti diminta dibahagi dengan peratus perubahan pendapatan

- 10 Keseimbangan pasaran berlaku apabila _____ HPK1
T3
- A. jumlah permintaan semakin berkurang
B. jumlah penawaran semakin meningkat
C. jumlah permintaan sama dengan penawaran
D. jumlah permintaan tidak sama dengan penawaran
- 11 Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai keanjalan penawaran tidak anjal. HPK1
T3
- A. Keluk lebih landai
B. Nilai keanjalan lebih daripada 1
C. Apabila harga naik, permintaan berkurang hingga sifar
D. Perubahan kuantiti ditawarkan kurang daripada peratus perubahan harga
- 12 Keanjalan penawaran harga menunjukkan hubungan antara perubahan kuantiti ditawarkan dengan perubahan harga adalah _____ HPK1
T3
- A. positif
B. negatif
C. menurun
D. meningkat
- 13 Jadual 2 menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan bagi barang X di pasaran. HPK1
T3

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
15.00	43
20.00	68

Jadual 2

Apabila harga meningkat, nilai keanjalan penawaran bagi barang X ialah

- A. 0.57
B. 0.68
C. 1.47
D. 1.74

14. Jadual 3 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi satu satu barang.

HPK1

T3

Harga	Kuantiti (unit)
3	100
6	80
9	60

Jadual 3

Keanjalan permintaan harga barang di atas ialah

- A. Anjal
 - B. Anjal satu
 - C. Tidak anjal
 - D. Anjal sempurna
15. Apakah maksud pasaran persaingan sempurna?
- A. Struktur pasaran yang mempunyai sedikit penjual (firma) dan pembeli
 - B. Struktur pasaran yang mempunyai ramai penjual (firma) dan sedikit pembeli
 - C. Struktur pasaran yang mempunyai ramai penjual (firma) dan pembeli dan setiap firma menjual barang yang berlainan
 - D. Struktur pasaran yang mempunyai ramai penjual (firma) dan pembeli dan setiap firma menjual barang sama atau homogen

HPK1

T4

16. Hasil purata ialah

HPK1

T4

- A. hasil jualan ditolak dengan jumlah belian
- B. hasil jualan dibahagi dengan jumlah belian
- C. hasil jualan ditambah dengan jumlah belian
- D. hasil jualan bagi setiap unit output atau keluaran


17 Untung ekonomi ialah untung yang diperoleh apabila jumlah hasil ditolak HPK1
dengan _____ dan T4

- A. kos eksplisit, kos implisit
- B. jumlah kuantiti, jumlah harga
- C. jumlah kos tetap, kos berubah
- D. hasil sut, untung perakaunan

18

HPK1

T4



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, hubungan antara harga (P) dan kuantiti (Q) diminta
adalah _____

- A. sifar
- B. sama
- C. positif
- D. negatif

Soalan 19 dan 20 berdasarkan Jadual 4 di bawah.

HPK1

T4

Keluaran (unit)	Harga (RM)
0	25
1	25
2	25
3	25
4	25
5	25
6	25

Jadual 4

19 Kira jumlah hasil pada tingkat keluaran 3 unit.

- A. 75
- B. 100
- C. 150
- D. 200

20 Kira jumlah hasil pada tingkat keluaran 6 unit.

- A. 100
- B. 125
- C. 150
- D. 200

HPK1

T4

BAHAGIAN B*[60 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.**SOALAN 1**

- a) Nyatakan **TIGA (3)** sistem ekonomi dunia. HPK1
[6 markah] T1
- b) Terangkan **TIGA (3)** ciri-ciri sistem ekonomi Islam. HPK1
[6 markah] T1
- c) Jadual 5 menunjukkan hubungan antara kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan dengan pelbagai tingkat harga. HPK1
T2

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
2	360	260
4	320	320
6	280	380
8	240	440
10	200	500

Jadual 5

- i. Berdasarkan jadual di atas, lakarkan keluk permintaan dan keluk penawaran. [4 markah]
- ii. Terbitkan fungsi permintaan dan fungsi penawaran. [4 markah]

SOALAN 2

- a) Berikan **EMPAT (4)** faktor yang mempengaruhi keanjalan penawaran. HPK1
[4 markah] T3
- b) Terangkan perbezaan di antara barang normal dan barang mewah beserta dengan contoh. HPK1
T3
[6 markah]
- c) Jadual 6 menunjukkan hubungan antara tingkat pendapatan dengan barang A dan B. HPK1
T3

Pendapatan (RM)	Kuantiti Barang A	Kuantiti Barang B
100	20	60
300	20	90

Jadual 6

Kira dan tunjukkan jalan pengiraan bagi keanjalan permintaan pendapatan untuk Barang A dan B jika tingkat pendapatan bertambah daripada RM100 kepada RM300.

[10 markah]

SOALAN 3

a) Nyatakan **EMPAT (4)** ciri – ciri pasaran persaingan sempurna. HPK1
[4 markah] T4

b) Terangkan **TIGA (3)** ciri-ciri pasaran persaingan bermonopoli. HPK1
[6 markah] T4

c) Lengkapkan Jadual 7 di bawah. HPK1
T4

Keluaran (Q)	Harga (P) (RM)	Jumlah Hasil	Hasil Purata	Hasil Sut
1	14			
2	13			
3	12		12	
4	11	44		
5	10			
6	9			
7	8	56		
8	7			0

Jadual 7

[10 markah]

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab